

# Risau setiap kali hujan lebat

Penduduk kerap berdepan banjir sejak tiga tahun lalu, gesa pelbagai pihak turun padang atasi masalah segera

**SUNGAI PELEK** - Lebih 100 penduduk Kampung Chincang, di sini berkumpul memohon pelbagai pihak turun padang membantu menyelesaikan masalah banjir teruk yang dihadapi sejak tiga tahun lalu.

Tinjauan *Sinar Harian* ke kawasan tersebut mendapati kawasan berkenaan dikelilingi pembangunan yang pesat menyebabkan kawasan rendah itu mudah ditenggelami air.

Seorang ibu tunggal, Lee Kim Lian, 71, berkata, dia sudah menetap di kawasan itu sejak 49 tahun yang lalu terus diantui masalah banjir setiap kali hujan lebat.

Menurutnya, dia yang su-

dah kematian suami bimbang terpaksa terus menghadapi banjir yang merosakkan pelbagai barangan rumah apabila air melebihi paras pinggang setiap kali hujan lebat.

"Memanglah bila setiap kali air naik kami disuruh pindah tapi macam mana dengan barang-barang kami yang selalu rosak.

"Dulu kalau hujan lebat, tiga empat hari baru banjir tetapi sekarang dua tiga jam pun air dah naik," katanya.

Bagi V Salasa Loshini, 27, yang tinggal bersama ibunya, R Krishnammah, 52, dia bimbang keadaan ibunya yang berada seorang diri di rumah setiap kali ke tempat kerja.



Sebahagian penduduk Kampung Chincang yang mengadakan bantahan secara aman mengenai penempatan mereka yang sering dilanda banjir.

"Bayangkan setiap kali hujan lebat, mesti ada kejadian banjir berlaku sampai air ce- cah paras bahu.

"Bila air dah naik, semua barang rosak dan kalau mak saja di rumah macam mana dia nak menyelamatkan diri.

"Saya tak sanggup berdepan dengan masalah sama setiap kali hujan," katanya yang kesal dengan pelbagai pihak yang tidak mengambil perhatian masalah di kawasan-nya.

Wong Chok Heng, 53,

berkata, kadangkala dia kesal dengan pembangunan pesat di kawasan persekitaran kerana melihat keadaan rumah di kawasan-nya yang terpaksa berdepan dengan pelbagai masalah.

"Kami dah beberapa kali adu masalah ini tapi perkara ini tak dipedulikan.

"Buat masa ini, kami terpaksa panggil media untuk tolong selesaikan isu ini," katanya.

Sementara itu, Setiausaha



KIM LIAN



SALASA

Agung Parti Alternatif Rakyat, David Dass Aseerpatham berkata, beliau sudah menemui penduduk dan mendengar masalah mereka.

"Saya difahamkan aliran air sungai yang sempit mengakibatkan kekerapan banjir ber-

laku selain keadaan sungai yang tidak terurus juga menyebabkan sampah terkumpul menjadi punca aliran air tak lancar.

"Masalah ini akan saya panjangkan kepada pihak terlibat supaya tindakan diambil segera," katanya.



CHOK HENG



DAVID